

# GST

## MENINGKATKAN NILAI KEMERDEKAAN YANG DIKECAPI NEGARA

**T**ANGGAL 31 OGOS INI GENAP 58 TAHUN NEGARA KITA MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN. DETIK YANG SANGAT PENTING BUAT SESEBUAH NEGARA DAN TARIKH KERAMAT ITU DIRAIKAN DENGAN MERIAH PADA SETIAP TAHUN BAGI MENGHARGAI PENGORBANAN PAHLAWAN DAN WIRA NEGARA YANG TELAH BANYAK BERJASA DEMI MEMPERJUANGKAN KEMERDEKAAN YANG DIKECAPI OLEH SELURUH RAKYAT MALAYSIA PADA HARI INI.

Seiring dengan kemerdekaan yang dinikmati, negara menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dalam segala aspek. Kemajuan dalam bidang ekonomi antara yang boleh dibanggakan oleh setiap lapisan masyarakat dan seluruh rakyat Malaysia. Lebih-lebih lagi dengan adanya pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang telah berkuat kuasa pada 1 April lalu.

Dengan pelaksanaan GST yang merupakan sistem percukaitan terbaik di dunia, kemerdekaan negara pada tahun ini menjadi lebih bermakna kerana sistem cukai tersebut sememangnya telah memberi banyak impak positif kepada negara dalam memperkukuhkan sistem kewangan Malaysia. Antara impak positif yang dapat dilihat menerusi pelaksanaan GST kepada negara ialah memperluaskan sumber perolehan kewangan

negara. Situasi itu secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan negara pada hasil minyak yang sedang mengalami kejatuhan harga.

Selain itu, GST juga meningkatkan pertumbuhan negara. Pendapatan yang diperoleh hasil kutipan GST akan meningkatkan pertumbuhan negara kerana hasil yang diterima oleh pihak kerajaan dapat disalurkan dan digunakan untuk menambahbaikkan kemudahan rakyat dan pembangunan negara. Pembangunan infrastruktur sosial ini meliputi kemudahan institusi kesihatan, infrastruktur pendidikan dan kemudahan awam bagi meningkatkan taraf hidup.

Keputusan kerajaan melaksanakan GST juga dilihat sangat tepat kerana mampu mengurangkan defisit negara. Tindakan itu sekali gus dapat mengelakkan berlakunya kemelesetan ekonomi memandangkan sistem cukai tersebut mampu bertindak sebagai sumber alternatif pendapatan kerajaan.

Sifat GST yang lebih efektif, efisien dan telus iaitu mengamalkan *self policing* atau polisi sendiri seperti konsep *e-filing* cukai pendapatan berupaya meningkatkan pematuhan cukai dan mengurangkan kerenah birokrasi. Malah harga yang dikenakan juga lebih telus apabila peniaga perlu mempamerkan nombor atau kod GST dalam resit jualan.

Justeru, langkah pelaksanaan sistem percukaitan ini wajar dilihat sebagai satu langkah bijak oleh kerajaan dalam membentuk sebuah negara yang berdaya saing memandangkan ia juga menggalakkan pertumbuhan negara yang mampan seiring dengan kemerdekaan yang dikecapi lebih lima dekad melalui sistem percukaitan negara yang lebih telus dan efisien.

# BARANG DIKECUALIKAN GST

Pemberian apa-apa hak ke atas tanah atau apa-apa lesen menduduki tanah atau bangunan bagi tujuan kediaman, pertanian atau diiktirafkan bagi kegunaan am.

Perkhidmatan pendidikan meliputi semua aspek perkhidmatan berhubung pendidikan yang disediakan untuk pelajar pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah swasta.

Perkhidmatan pengangkutan penumpang merangkumi apa-apa kenderaan dilesenkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan tidak termasuk bas catar dan kereta sewa dan pandu.

Apa-apa pembekalan perkhidmatan dalam suatu pakej berhubung dengan upacara dan penghormatan, pelupusan jenazah atau upacara peringatan selain program perancangan pra keperluan pembeduan.

Perkhidmatan kesihatan seperti klinik, hospital, pusat rawatan dialisis dan seumpamanya seperti yang didaftarkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.

Buku latihan, kamus, buku rujukan, buku teks, buku latihan, kitab agaman, surat khabar termasuk e-newspaper, buku bergambar, buku lukisan dan buku berwarna kanak-kanak.

Pertubuhan bukan kerajaan dan institusi keagamaan yang terlibat secara sepenuhnya dalam aktiviti keagamaan dan kebajikan.

Pendidikan kemahiran yang disediakan oleh penyedia latihan kemahiran yang menjalankan program diluluskan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan.

Perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang disediakan oleh pusat jagaan kanak-kanak di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984.

Susu formula bayi bagi umur di bawah 36 bulan meliputi semua jenis perisa.

Semua jenis beras meliputi beras pulut, basmati dan beras perang.

Ubat-ubatan di bawah senarai penting ubat-ubatan nasional diperluaskan daripada 2,900 kepada 4,215 jenama ubat.

120 jenis peralatan perubatan yang dilabel di hospital, klinik atau mana-mana kemudahan jagaan kesihatan swasta.

Pemberian apa-apa hak untuk mengguna lebuhraya atau jambatan bertol.

Semua jenis gula merangkumi gula kastor, halus dan kasar tanpa mengira kaedah pembungkusan.

## PERLUASAN SENARAI BARANG DIKENAKAN GST

SELAIN meningkatkan ekonomi serta nilai kemerdekaan negara, GST turut mendatangkan banyak kebaikan kepada para pengguna. Dengan kadar cukai yang terendah di ASEAN iaitu enam peratus, GST sememangnya tidak membebankan rakyat. Apatah lagi tidak semua barang dikenakan cukai.

Hanya barangan bertanda 'S' iaitu *standard rated supplies* atau pembekalan berkadat *standard* yang meliputi semua barangan dan perkhidmatan yang diimport dan dibekalkan di negara ini sahaja yang dikenakan cukai. Manakala barangan bertanda 'Z' yang bermaksud *zero rated supplies* atau pembekal berkadat sifar iaitu barangan atau perkhidmatan tidak dikenakan GST.

Memudahkan lagi pengguna, Kementerian Kewangan telah memperluaskan lagi senarai barang dan perkhidmatan yang dikecualikan daripada GST bagi memanfaatkan rakyat dan industri. Senarai tersebut meliputi empat perkara iaitu bahan bacaan, ubat, yuran penyelenggaraan termasuk *sinking fund* kediaman dan perkhidmatan pendidikan.

## BARANG DIKENAKAN GST

Pertubuhan bukan kerajaan dan institusi keagamaan bersifat perniagaan dengan nilai bekalan bercukai melebihi RM500,000 setahun.


Caj rawatan atau perkhidmatan rundingan daripada doktor bebas yang tidak berdaftar (Tertakluk kepada doktor berkenaan sama ada berdaftar di bawah GST).



Susu formula bayi melebihi 36 bulan



Pakaian dan kasut



Perabot